

Polis diminta awasi BH 17 JUL 2000 puak pelampau

KUALA LUMPUR, Ahad - Gerakan mahu polis meningkatkan pemantauan ke atas kumpulan yang menjalankan kempen membenci kerajaan dan yang dilaksanakan puak pelampau kerana ia boleh mencetuskan hurt-hara di negara ini.

Presidennya, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata pihak berkuasa negara perlu mengambil tindakan setimpal, jika terbukti bahawa golongan berkenaan terbabit dalam kegiatan haram seperti itu.

"Kita mesti mengambil tindakan terhadap kumpulan berkenaan, kerana kita tidak mahu bertolak ansur mengenai isu keamanan dan keselamatan rakyat," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Pemuda dan Wanita Gerakan Wilayah Persekutuan, di sini hari ini.

Beliau merujuk kepada kejadian rompakan senjata di pos dan kem tentera di Grik, Perak, yang dilakukan oleh anggota kumpulan Al-Ma'unah, yang ber-

akhir dengan penyerahan diri anggota kumpulan itu serta pembunuhan dua anggota pasukan keselamatan.

Pada sidang akhbar selepas tamatnya isu berkenaan, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan bahawa kumpulan itu berhasrat untuk menggulingkan kerajaan secara keke-
rasan.

Dr Lim berkata, Gerakan kini menvifatkan ancaman kumpulan ajaran sesat di Malaysia sebagai musuh nombor satu negara, sejak gerakan komunis dipatahkan pada 1989.

"Negara kini menghadapi ancaman bar-u... sesuatu yang bahaya dan sesuatu yang perlu kita tentangi habis-habisan.

"Kita harus memerangi ancaman ini habis-habisan. Ahli parti perlu memberitahu masyarakat mengenai bahaya kumpulan ajaran sesat ini, dan ia harus dilaksanakan bersama," katanya.

Bagi memenuhi matlamat itu, katanya, Gerakan

memerlukan pemimpin berpengetahuan dengan keupayaan menjelaskan perkembangan terkini dalam negara kepada orang ramai terutama penduduk di luar bandar.

"Pemimpin Gerakan mesti menemui mereka dan menjelaskan mengenai bahayanya ancaman budaya membenci yang cuba ditanam oleh sesetengah kumpulan di negara ini," katanya.

Selain berorientasikan perkhidmatan, Dr Lim berkata pemimpin parti berkenaan mesti mampu menyaingi pembangkang dalam perbincangan bagi menangani pembohongan yang disebarkan oleh pembangkang mengenai kes rompakan senjata itu.